

Nama:..... Kelas:.....

SULIT

1249/2

1249/2

Sejarah

Kertas 2

Oktober

2024

2 ½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2024

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** dan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
5. **Kertas peperiksaan** ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 22 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A**[40 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) melalui Bintang Tiga telah menguasai Tanah Melayu selama 14 hari iaitu selepas Jepun menyerah kalah pada 16 Ogos 1946.

Sumber: www.bharian.com.my, 8 Ogos 2018

- (a) Nyatakan tindakan Bintang Tiga semasa berkuasa di Tanah Melayu.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah masyarakat bertindak balas terhadap tindakan Bintang Tiga di 1(a)?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Semangat cintai negara harus ada dalam jiwa rakyat Malaysia.

Sumber: www.utusanborneo.com.my, 20 Ogos 2017

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 Gambar berikut merupakan anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955.



Sumber: www.utusan.com.my, Mei 2018

- (a) Namakan **dua** tokoh pemimpin tempatan yang terlibat dalam kabinet tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan kabinet tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Amalan perkongsian kuasa dalam masyarakat berbilang kaum penting kepada keharmonian negara.

Beri pandangan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 3 (a) Jelaskan maksud kedaulatan.

.....
.....
[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

- (c) Teliti pernyataan berikut.

Mana-mana negara mampu membebaskan diri daripada penjajahan atau mempertahankan kemerdekaannya jika negara tersebut kuat memelihara identiti dan jati dirinya.

Sumber: <https://isma.org.my>

Uraikan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

- 4 Maklumat berikut merujuk kepada Peristiwa 13 Mei 1969.

Peristiwa berdarah rusuhan kaum paling dasyat di negara ini pada 13 Mei 1969 perlu menjadi pengajaran betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk terus bersatu padu dan hidup dalam harmoni.

Sumber: www.sinarharian.com

- (a) Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mengatasi peristiwa 13 Mei 1969.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: www.jabatanpeneranganmalaysia.com

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Dasar imperialisme Barat mencetuskan gerakan nasionalisme di negara kita.

(a) Jelaskan maksud nasionalisme. [4 markah]

(b) Terangkan perkembangan gerakan nasionalisme daripada aspek berikut:

(i) Akhbar [4 markah]

(ii) Karya kreatif [4 markah]

(c) Infografik berikut berkaitan etika penggunaan media komunikasi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

ETIKA PENGGUNAAN MEDIA KOMUNIKASI 	
 Berhemah memberi pandangan. Jangan guris hati orang lain	 Amalkan adab. Elakkan bahasa kesat
 Jaga keselamatan dan keamanan. Jangan sokong hasutan berunsur jahat	 Bertanggungjawab. Tidak pasti jangan kongsi

Sumber: www.mcmc.gov.my

Pada pandangan anda, mengapakah etika tersebut perlu dipatuhi? [8 markah]

[Lihat halaman sebelah

6 Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948.

(a) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]

(b) Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]

(c) Teliti pernyataan berikut.

Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi asas kepada penubuhan negara bangsa Malaysia pada hari ini.

Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]

7 Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu.

(a) Jelaskan latar belakang pembentukan sistem Persekutuan di Malaysia. [6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Pembangunan tanah
- Penyediaan perumahan rakyat

Terangkan kerjasama tersebut. [6 markah]

(c) Rakyat dan pemimpin harus berganding bahu memajukan negara.
Sumber: www.bharian.com, 12 November 2020

Beri ulasan anda berdasarkan pernyataan tersebut. [8 markah]



- 8 Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan saluran terbaik untuk menyatupadukan rakyat dan menyediakan tenaga kerja mahir.

(a) Jelaskan cadangan jawatankuasa berikut:

- (i) Laporan Rahman Talib [4 markah]
- (ii) Kajian Aminuddin Baki [4 markah]
- (iii) Laporan Jawatankuasa Kabinet [4 markah]

(b) Teliti maklumat dalam petikan berikut.

KUALA LUMPUR – Bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam negara perlu diperkasakan dengan penglibatan serta kerjasama daripada sektor awam dan swasta secara lebih aktif.

Kerjasama itu bukan sahaja dapat menaik taraf institusi pendidikan TVET, malah berupaya menyediakan peluang lebih besar kepada pelajar meningkatkan keupayaan dalam bidang baharu. Selain itu, pelajar boleh mengikuti kursus-kursus baharu seperti kenderaan elektrik (EV) dan dron yang mempunyai keboleh pasaran tinggi.

Dengan kerjasama erat itu juga pemain industri utama negara dapat terus mengurus latihan TVET seterusnya menyediakan pelajar terlatih memasuki alam pekerjaan dengan pendapatan munasabah. Ia dapat menyelesaikan permasalahan mengenai latihan tidak sepadan, tidak diperluaskan dan tidak memuaskan membabitkan graduan. Tanpa tenaga mahir kompeten, pembangunan sektor TVET kemungkinan boleh tergugat.

Sumber diubahsuai: www.sinarharian.com, 5 Mac 2024

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 9 Dasar luar negara merupakan tindakan pihak kerajaan dalam menjalinkan hubungan dengan negara lain.

- (a) Jelaskan faktor penggubalan dasar luar Malaysia. [6 markah]
- (b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN. [6 markah]
- (c) Petikan berikut berkaitan kerangka dasar luar Malaysia.

Kerangka dasar luar Malaysia menumpukan kepada beberapa keutamaan iaitu menggiatkan semula hubungan Malaysia di dalam ekonomi global dengan menekankan kepada kewujudan kerjasama erat dengan negara lain di platform antarabangsa. Selain itu, membangunkan ekonomi digital yang merupakan satu daripada pemacu utama Malaysia untuk pertumbuhan ekonomi.

Keutamaan seterusnya menggalakkan falsafah hidup bersama dalam budaya damai dan kepelbagaian jika disertai dengan rasa hormat akan menjadi alat paling berkesan untuk menuju ke arah pemulihan global yang berjaya.

Kerangka dasar ini akan menjadi satu dokumen yang holistik seterusnya menyediakan laluan untuk Malaysia muncul lebih utuh dan berdaya tahan di arena antarabangsa.

Sumber diubahsuai: www.sinarharian.com

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan kepada negara sekiranya berjaya dilaksanakan. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT